




Lakukan
sekurang-kurangnya **5 TRANSAKSI**
dengan nilai minimum
RM10.00

1 JULAI 2021 - 31 OGOS 2021



FPX dan **DuitNow QR**
bersama Agrobank

SETIAP HARI, SEPANJANG HARI

#AgrobankDuitNowQR



Terma dan Syarat untuk Kempen “FPX dan DuitNow QR Bersama Agrobank”

Kempen “FPX dan DuitNow QR Bersama Agrobank” (“Kempen”) adalah anjuran bersama Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) (No. Syarikat: 200801010522 (811810-U)) dan Payment Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 836743-D) (“PayNet”) di mana kedua-duanya dikenali sebagai (“Penganjur”).

Tempoh Kempen

Kempen akan bermula dari **1 Julai 2021 sehingga 31 Ogos 2021** (“Tempoh Kempen”)

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua pengguna Perbankan Internet AGRONet dan AGRONet Mobile Banking Apps (“Pelanggan”) yang mendaftar DuitNow ID bersama Agrobank.
2. Individu seperti yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - a. Kakitangan Jabatan Kempen dan Promosi, Agrobank; atau
 - b. Kakitangan PayNet (termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya); atau
 - c. Pelanggan yang tidak waras; atau
 - d. Pelanggan yang telah di isytiharkan muflis; atau
 - e. Individu di bawah umur 18 tahun.
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan telah mengesahkan bahawa Pelanggan tidak berada di dalam kategori individu di atas.

Hadiah

1. Terdapat dua kategori hadiah (“Hadiah”) ditawarkan kepada para pemenang Kempen (“Pemenang”)
 - a) **FPX Kategori:** Pelanggan perlu membuat transaksi FPX sekurang-kurangnya **lima (5) transaksi bernilai RM10.00 bagi setiap transaksi** menerusi AGRONet untuk layak memenangi hadiah wang tunai selepas Tempoh Kempen tamat.

Bulan	Jumlah Pemenang	Wang Tunai (RM)
Julai 2021	125	50.00
Ogos 2021	125	

- b. **DuitNow QR Kategori:** Pelanggan perlu membuat transaksi DuitNow QR sekurang-kurangnya **lima (5) transaksi bernilai RM10.00 bagi setiap transaksi** menerusi AGRONet dan Aplikasi AGRONet Mobile Banking Apps untuk layak memenangi hadiah wang tunai selepas Tempoh Kempen tamat.

Bulan	Jumlah Pemenang	Wang Tunai (RM)
Julai 2021	125	50.00
Ogos 2021	125	

Kriteria Penyertaan dan Pemilihan Pemenang

1. Hanya pelanggan yang melakukan transaksi paling banyak berpeluang untuk memenangi hadiah wang tunai selepas Tempoh Kempen tamat.
2. Hanya **125 Pelanggan teratas** akan dipilih sebagai pemenang Kempen ini bagi setiap bulan.
3. Pelanggan layak untuk memenangi lebih daripada **SATU (1)** hadiah sepanjang Tempoh Kempen. Walaubagaimanapun, Pelanggan hanya layak untuk memenangi **SATU (1)** hadiah sahaja bagi setiap bulan. Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke akaun Agrobank pemenang.
4. Sebarang transaksi yang tidak lengkap atau dilakukan sebelum atau selepas Tempoh Kempen dianggap tidak memenuhi kriteria untuk memenangi Hadiah.
5. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak dan diganti dengan apa-apa jua jenis hadiah yang lain.
6. Penganjur berhak untuk menukar Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama tanpa sebarang notis.

Terma dan Syarat Am

1. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan: -
 - a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini serta Notis PDPA yang boleh didapati di www.agrobank.com.my.
 - b) memberikan persetujuan mereka kepada Penganjur untuk menerbitkan dan menggunakan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat peribadi ("Maklumat Peribadi") yang dihantar oleh pelanggan untuk iklan, pemasaran, publisiti dan / atau tujuan lain, tanpa pemberitahuan terlebih dahulu atau gantirugi kepada pelanggan. Pemenang tidak berhak menuntut hak milik atau bentuk gantirugi lain atas bahan tersebut.

Nota: Pelanggan/pemenang dinasihati untuk mengambil langkah berjaga-jaga apabila menerima sebarang permintaan bagi Maklumat Peribadi dan untuk menghubungi pihak Penganjur bagi pengesahan berhubung Kempen ini.

- c) bersetuju bahawa Penganjur:
- i. berhak untuk membatalkan, menghentikan, mengubah suai, atau menangguhkan Kempen ini sekiranya atas sebab apa pun Kempen ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang disebabkan, termasuklah disebabkan virus komputer, penggodaman, campur tangan yang tidak dibenarkan, penipuan, kegagalan teknikal, atau sebab lain di luar kawalannya;
 - ii. boleh membatalkan dan/atau menghilangkan kelayakan mana-mana Pelanggan dan/atau penyertaan jika didapati atau disyaki menipu/menggodam/mengganggu/ menyalahgunakan proses penyertaan Kempen ini, operasi peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini;
 - iii. boleh mengubah mana-mana Terma dan Syarat Kempen pada bila-bila masa dengan notis yang munasabah kepada Pelanggan;
 - iv. dan/atau ejennya tidak akan menanggung liabiliti atau bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini atau perubahan kepada butiran-butiran Hadiah atau lain-lain situasi yang tidak dijangka di luar kawalannya yang munasabah dan bagi apa-apa tindakan atau kemungkinan pembekal atau vendor pihak ketiga;
 - v. tidak memberikan sebarang waranti atau representasi secara nyata, tersirat atau statutori, berhubung dengan hadiah-hadiah termasuklah kualiti kebolehdagangan dan kesesuaiannya untuk tujuan berkenaan Hadiah tersebut.
2. Terma dan Syarat Kempen yang terkandung di dalam ini (termasuk apa-apa pindaan ke atasnya), serta apa-apa keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur berhubung Kempen ini berhubung pemilihan Pemenang dan/atau Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Tiada komunikasi, pertanyaan dan/atau rayuan berkenaan apa-apa pertikaian atau perkara berkaitan mana-mana keputusan pihak Penganjur akan dilayan.
 3. Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan berdasarkan kepada undang-undang Malaysia dan bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
 4. Sekiranya terdapat ketidak selarasan, kesamaran atau pertikaian berhubung interpretasi antara Term dan Syarat ini dengan lain-lain bahan promosi bagi Kempen ini, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris, yang terdapat di www.agrobank.com.my, hendaklah terpakai.
 5. Masa adalah intipati Kempen ini.

TAMAT